

03 NOV 2002

DR MAHATHIR BERLEPAS KE KEMBOJA

SUBANG, 3 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berlepas ke Kemboja untuk menghadiri Sidang Kemuncak Asean yang bermula esok di Phnom Penh.

Perdana Menteri berlepas dari Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia di sini dengan sebuah pesawat khas pada 3 petang.

Isteri beliau Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali turut berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan.

Sidang kemuncak itu akan diikuti oleh Sidang Kemuncak Asean+3 dengan China, Jepun dan Korea Selatan di samping sidang kemuncak yang berasingan bersama setiap negara yang terbabit dan juga India.

Para pemimpin Asean dijangka membincang dan bertukar pandangan, menilai dan mengkaji dasar serta pembangunan kerjasama Asean sejak Sidang Kemuncak Asean Ketujuh November tahun lepas.

Mereka juga akan mengkaji semula kemajuan pelbagai inisiatif Asean seperti Inisiatif bagi Integrasi Asean (IAI), Pemetaan Jalan bagi Integrasi Asean (RIA), pelaksanaan Pelan Tindakan Hanoi (HPA) di samping keadaan politik, ekonomi dan keselamatan semasa di wilayah berkenaan.

Dr Mahathir juga dijangka bertemu dan berbincang mengenai isu-isu dua hala dan antarabangsa yang memberi kesan kepada wilayah berkenaan bersama rakan-rakan sejawatannya di luar sidang kemuncak itu.

-- BERNAMA

NM LIB AFY ROS